



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**PROGRAM KEMPEN KESEDARAN ALAM  
SEKITAR DAN PENYERAHAN SANGKAR KITAR  
SEMULA SERTA ANAK POKOK BAKAU  
BERSAMA KOMUNITI PENAGA**

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**19 MEI 2024 (AHAD)  
11.00 PAGI**

**PASAR NELAYAN SUNGAI PENAGA,  
KEPALA BATAS**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**YBhg. Dato Azhar Bin Haji Arshad**  
Datuk Bandar Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Mahadi Bin Md Radhi**  
Pengerusi Nelayan Kawasan Seberang Perai

**Yang Dihormati**  
**En Bernard Cheen Goon Hoi**  
**En Zainuddin Bin Mohamed**  
**Pn Normahani Binti Muhammad**  
**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**  
Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinya dapat kita bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam **Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar dan Penyerahan Sangkar Kitar Semula serta Anak Pokok Bakau bersama Komuniti Penaga di Pasar Nelayan Sungai Penaga, Kepala Batas.**
2. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Puan Norly Masitah Binti Mohamed Noor, Ahli Majlis MBSP; Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; komuniti nelayan Penaga; para penduduk setempat; dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program yang diadakan pada pagi yang berbahagia ini.
3. Penghargaan juga kepada urusetia penganjuran program pada pagi ini yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar.
4. Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar dan Penyerahan Sangkar Kitar Semula serta Anak Pokok Bakau bersama Komuniti Penaga ini merupakan aktiviti yang menggalakkan usaha-usaha dalam

melestarikan alam sekitar, mendidik masyarakat tentang kepentingan kitar semula dan menjaga ekosistem pokok bakau di pesisir laut.

5. Seiring dengan penambahan populasi penduduk, peningkatan dalam pembuangan sampah harian tidak dapat disangkal lagi, Program Kempen Pendidikan dan Kesedaran (*Education and Awareness*) merupakan pendekatan yang diambil oleh MBSP bagi menyedarkan masyarakat betapa pentingnya kitar semula untuk pengurusan sampah yang lebih efisyen dan teratur.
6. Secara tuntasnya, MBSP tidak hanya boleh melaksanakan program atau projek kitar semula ini secara sendirian, tetapi apa yang diperlukan adalah kerjasama, tanggungjawab dan penyertaan awam di kalangan penduduk setempat dan pihak swasta, dalam menguruskan aktiviti manusia dan penggunaan mampan di lokasi berkaitan untuk meminimumkan kesan buruk terhadap persekitaran.
7. Pelaksanaan Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar ini merupakan salah satu komitmen MBSP di bawah Pelan Strategi Majlis Bandaraya Seberang Perai 2023-2030 dalam konteks pembangunan hijau dan persekitaran bersih iaitu sejajar dengan kempen Kerajaan Negeri iaitu *Penang 2030 A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*. Program ini bertujuan untuk

meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti setempat. Program ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi untuk menjadikan Negeri ini sebuah Negeri Pintar dan Hijau.

8. Aktiviti kitar semula dan pengasingan sisa yang dijalankan oleh Persatuan Nelayan, Sungai Penaga merupakan inisiatif yang dijalankan oleh Ahli Majlis MBSP, Puan Norly Masitah binti Mohamed Noor. Bagi mencapai matlamat Kempen Kesedaran Alam Sekitar, antara program yang dijalankan adalah taklimat pengasingan sisa kepada Persatuan Nelayan Sungai Penaga. Selain pengasingan barang kitar semula, Persatuan Nelayan Sungai Penaga juga menjalankan aktiviti pengumpulan pukat ikan terpakai. Pukat ikan terpakai ini dikategorikan sebagai plastik dan boleh dikitar semula.
  
9. Pengisian program yang lain adalah pertandingan mewarna dan kuiz bertemakan alam sekitar yang melibatkan para pelajar sekolah agama berdekatan dan juga penduduk sekitar. Jumlah penglibatan para pelajar dari sekolah Madrasah Nurulhuda Sungai Penaga adalah sebanyak 60 orang. Puan Norly Masitah telah menyumbangkan 21 barang *upcycle* sebagai hadiah pertandingan kuiz yang dibuat secara terbuka sebelum majlis pelancaran ini diadakan.

10. Program hari ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pokok bakau di kawasan pesisiran sungai. Untuk itu, Puan Norly Masitah juga telah menyumbangkan sebanyak 300 anak pokok bakau yang bernilai RM750.00 kepada Persatuan Nelayan Sungai Penaga.
11. MBSP juga menyumbangkan satu unit sangkar kitar semula untuk di tempatkan di kawasan ini yang merupakan lokasi strategik yang menjadi tumpuan para nelayan, orang ramai dan di situ juga terdapat sebuah sekolah agama. Secara tidak langsung, ia menjadi satu kaedah untuk mendidik masyarakat menjalankan aktiviti kitar semula sejajar dengan Dasar Pengasingan Sisa Dipunca, di mana aktiviti penguatkuasaan dasar ini akan bermula pada Julai 2024.
12. Saya merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Norly Masitah Binti Mohamed Noor, Ahli Majlis MBSP yang sudi memberi sumbangan anak pokok bakau dan barang *upcycle*, pihak urusetia program, Persatuan Nelayan Sungai Penaga serta para hadirin sekalian yang memberikan komitmen penuh serta bertungkus lumus dalam menjayakan **Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar dan Penyerahan Sangkar Kitar Semula serta Anak Pokok Bakau bersama Komuniti Penaga** pada hari ini.

13. Diharap Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar dan Penyerahan Sangkar Kitar Semula serta Anak Pokok Bakau bersama Komuniti Penaga ini mampu memberi impak dalam menjayakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca. Semoga warga Seberang Perai dapat menekankan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dalam mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif**”,
14. Dengan lafaz **Bismillahirrahmaanirrahim**, sukacitanya saya melancarkan Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar dan Penyerahan Sangkar Kitar Semula serta Anak Pokok Bakau bersama Komuniti Penaga.

**Sekian, terima kasih.**

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*